

AMALAN WAKAF TUNAI DI DAERAH KUCHING, SARAWAK

CASH WAQF PRACTICES IN KUCHING DISTRICT, SARAWAK

Hadenan Towpek*

Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Sarawak, Malaysia.

Norbisarah Bahar

Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak,
Tingkat 8, Bangunan Baitul Makmur, Medan Raya,
93050 Petra Jaya, Kuching,
Sarawak, Malaysia.

**Corresponding Author's Email: hadenan298@uitm.edu.my*

Article History:

Received : 2 January 2026

Accepted : 14 January 2026

Published : 13 April 2026

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Towpek, H. & Bahar, N. (2026). Amalan Wakaf Tunai di Daerah Kuching, Sarawak. *Jurnal 'Ulwan*, 11(1), 172-194.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan amalan wakaf tunai di Daerah Kuching, Sarawak. Amalan wakaf tunai yang dikaji adalah berhubung dengan pandangan terhadap amalan wakaf tunai di Daerah Kuching. Seramai 274 responden yang terlibat dengan kajian ini. Untuk mendapatkan maklum balas responden, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif kaedah borang survei dalam format *Google Form* dan diedar melalui platform *WhatsApp* secara berkumpulan mahupun secara individu. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama, iaitu Bahagian A (Demografi Responden), Bahagian B (Aspek Pengetahuan) dan Bahagian C (Aspek Kefahaman/Amalan). Data yang telah diperolehi akan analisis data dimasukkan dalam perisian *SPSS* versi 20.0. Kajian ini menganalisis elemen wakaf tunai masyarakat Islam di Daerah Kuching dari aspek kefahaman, aspek minat, aspek operasional dan aspek fungsional wakaf tunai. Secara keseluruhannya, masyarakat menunjukkan tahap pengetahuan yang baik terhadap wakaf tunai, namun penglibatan dalam amalan masih perlu dipertingkatkan.

Kata kunci: Wakaf Tunai, Amalan Wakaf, Kesedaran Sosial Islam

ABSTRACT

This study aims to identify the level of knowledge and practices of cash waqf in Kuching District, Sarawak. The cash waqf practices examined in this study are related to public perceptions of cash waqf implementation in Kuching District. A total of 274 respondents were involved in this study. To obtain respondents' feedback, this study employed a quantitative approach using a survey questionnaire in Google Form format, which was distributed via WhatsApp, both in groups and individually. The questionnaire was divided into three main sections: Section A (Respondents' Demographics), Section B (Knowledge Aspect), and Section C (Understanding/Practice Aspect). The collected data were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 20.0. This study analysed the elements of cash waqf among the Muslim community in Kuching District in terms of understanding, interest, operational aspects, and functional aspects of cash waqf. Overall, the findings indicate that the community demonstrates a good level of knowledge regarding cash waqf; however, participation in its practice remains in need of further enhancement.

Keywords: *Cash waqf, Waqf practices, Islamic Social Awareness*

1.0 PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, kos untuk membiayai pendidikan semakin mahal berikutan yuran pengajian semakin meningkat terutama bagi kursus-kursus kritikal dalam bidang sains dan teknologi seperti perubatan, sains kesihatan, farmasi, kejuruteraan, sains angkasa dan lain-lain. Tidak terkecuali juga bidang sastera dan agama yang merupakan bidang tradisi bagi majoriti pelajar Bumiputera Muslim. Kos pendidikan semakin hari dijangka semakin meningkat seiring dengan kenaikan harga barang dan perkhidmatan di Malaysia. Begitu juga dengan kos-kos aspek kehidupan penting yang lain turut meningkat naik; umpamanya aspek perubatan, perumahan dan barang-barang keperluan asas seharian.

Islam adalah agama yang syumul dan sentiasa memberi solusi kepada setiap permasalahan ummah telah menjadikan wakaf sebagai salah satu mekanisme pembiayaan pendidikan. Sejak zaman permulaan Islam iaitu pada awal abad ke-7, pendidikan ketika itu telah pun dibiayai oleh wakaf dan sumbangan sukarela daripada masyarakat. Wakaf berasal dari perkataan arab iaitu waqafa yang bermaksud menahan, menegah dan berhenti. Dari segi istilah pula, wakaf adalah menahan hak pewakaf daripada melakukan apa apa aktiviti seperti jual beli, hadiah, wasiat atau apapun yang seumpama dengannya ke atas harta yang diwakafkan, kerana ianya bertujuan untuk kebajikan dan membantu orang-orang Islam yang memerlukan. Selain daripada itu, wakaf juga adalah salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah melalui membelanjakan atau menyumbangkan harta ke jalan Allah bagi kemaslahatan umat Islam yang lain.

Oleh itu, konsep wakaf sememangnya tidak lari dari definisi wakaf iaitu wakaf adalah menggunakan harta sama ada dari segi tunai atau manfaat bagi tujuan kebajikan dan mendapat redha Allah SWT. Wakaf akan dijalan oleh pegawai yang

diamanahkan untuk melakukan pembiayaan atau sumbangan harta pewakaf kepada pihak yang layak menerima. Meskipun ada pembiayaan oleh kerajaan bagi tujuan pendidikan seperti pembinaan sekolah dan infrastruktur lain, namun wakaf tetap menyalurkan pendapatan yang konsisten untuk membiayai kos operasi sekolah-sekolah tersebut.

Wakaf dilihat bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan, tetapi juga sebagai instrumen penting dalam memperkukuhkan keupayaan individu dan masyarakat, khususnya dalam memenuhi keperluan asas seperti akses kepada pembiayaan, perkhidmatan kesihatan, makanan berkualiti serta pembangunan infrastruktur. (Ismail Abdel Mohsin, 2013; Hasan & Abdullah, 2018; Thaker et al., 2020)

Dengan menjalankan kajian ini, ia sedikit sebanyak memberi kefahaman dan penerangan kepada orang ramai mengenai Amalan Wakaf Tunai di Daerah Kuching Sarawak. Hal ini bagi menggalakan penglibatan mereka dalam aktiviti wakaf. Ini termasuklah memupok nilai memberi atau menyumbang atau berwakaf adalah sesuatu perbuatan yang digalakkan dalam Islam bagi menggelakkan jurang perkauman, taraf kehidupan dan memberi kemaslahatan untuk semua umat Islam.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap konsep wakaf, khususnya wakaf tunai, masih berada pada tahap yang sederhana dan memerlukan pengukuhan. Masyarakat didapati kurang memahami potensi wakaf sebagai instrumen pembangunan sosio-ekonomi ummah, di samping tahap kesedaran terhadap ganjaran spiritual dan kepentingan penyertaan sebagai pewakaf masih belum mencapai tahap optimum. (Thaker et al., 2020; Pitchay et al., 2018; Haneef et al., 2021)

Manakala, kajian-kajian mutakhir menunjukkan bahawa tahap kesedaran masyarakat di Malaysia terhadap institusi wakaf masih dipengaruhi oleh perbezaan sistem tadbir urus antara negeri. Ketidakteraturan dalam pengurusan, termasuk aspek kecekapan, ketelusan dan sistem pentadbiran wakaf, dikenal pasti sebagai antara faktor yang menyumbang kepada tahap kesedaran dan kepercayaan masyarakat yang masih sederhana (Haneef et al., 2021; Thaker et al., 2020; Yaacob et al., 2022). Oleh itu, kajian ini wajar dilakukan kerana di Daerah Kuching sendiri, terdapat ramai masyarakat kurang memahami dan bahkan tidak mengetahui bahawa Daerah Kuching mempunyai sistem wakaf yang tersendiri.

3.0 PERSOALAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mengemukakan dua persoalan kajian iaitu:

- i. Apakah tahap pengetahuan masyarakat Islam di Daerah Kuching terhadap konsep wakaf dan wakaf tunai?
- ii. Apakah tahap amalan wakaf tunai masyarakat Islam di Daerah Kuching dari aspek kefahaman, aspek minat, aspek operasional, dan aspek fungsional wakaf tunai?

Seiring dengan persoalan kajian di atas, kajian ini menyasarkan dua objektif utama iaitu:

- i. Untuk mengenalpasti tahap pengetahuan masyarakat Islam di Daerah Kuching terhadap konsep wakaf dan wakaf tunai, dan;
- ii. Untuk mengenalpasti tahap amalan wakaf tunai masyarakat Islam di Daerah Kuching dari aspek kefahaman, aspek minat, aspek operasional, dan aspek fungsional wakaf tunai.

4.0 SOROTAN LITERATUR KAJIAN

Wakaf tunai bukanlah suatu istilah yang baharu, bahkan wakaf dengan menggunakan wang sebagai instrumennya yang dikenali sebagai wakaf tunai telah diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam sejak awal pemerintahan zaman kerajaan Uthmaniyah lagi sehinggalah kejatuhannya pada tahun 1924. Dalam konteks zaman sekarang, terma wakaf tunai telah mendapat perhatian kembali ramai pihak. Ia dianggap sebagai sumber pembiayaan yang cukup penting dalam membangunkan semula harta-harta wakaf yang sedia ada, dan mewujudkan harta-harta wakaf baharu. Malah wakaf tunai dilihat sebagai anak kunci yang paling berpengaruh kepada kejayaan institusi wakaf masa kini.

4.1 Takrifan Wakaf

Perkataan wakaf dari segi bahasa ialah *al-habsu* “الحبس” yang berasal dari kata kerja *habbasa* “حبس” habsan “حبسا” iaitu menjauhkan orang dari sesuatu atau memenjarakan. Kemudian kata ini berkembang menjadi *habbasa* “حبس” yang bererti mewakafkan harta kerana Allah. (*Munjid al-Tullab*, 1956:104) Wakaf berasal daripada kalimah *waqafa* “وقف” dan *tahbis* “تحبيس” bermaksud menahan. (Wahbah al-Zuhaili, 1997: 7599)

Manakala perkataan wakaf menurut istilah para fuqaha’ pula seperti menurut pandangan Mazhab Shafi’i ialah menahan sesuatu harta yang boleh digunakan tanpa susut fizikalnya dengan cara menyerahkan hak miliknya kepada seseorang yang diharuskan dan ada pada ketika itu. (*Mustofa al-Khin et.al*, 2005:999) Malah menurut beliau lagi, wakaf ialah penahanan sesuatu harta dari pemiliknya yang asal dan berpindah kepada pemilik yang baru untuk menguruskannya supaya dapat mengambil faedah dari harta wakaf itu untuk tujuan kebajikan serta untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Perkataan “ditahan” di atas membawa erti bahawa sesuatu harta yang diwakafkan (*mawquf*) tidak boleh dilibatkan dalam mana-mana transaksi atau pindah milik seperti dijual, dicagar dan sebagainya. Sebagai penerima wakaf (*mawquf ‘alayh*), seseorang itu hanya boleh memanfaatkan harta berkenaan tanpa mempunyai hak pemilikan penuh. Justeru pemilikan ini boleh dikategorikan di bawah “pemilikan tidak sempurna” (*milik al-naqis*). Ini kerana wakaf bukanlah akad yang berbentuk pertukaran tetapi ia adalah akad yang menggugurkan hak milik untuk tujuan mendekatkan diri kepada Allah dan hak milik itu akan berpindah kepada Allah SWT (*Siti Mashitoh Mahamood*, 2007:245).

4.2 Pensiaryatan Amalan Wakaf

Amalan wakaf diertikan sebagai sedekah jariah, namun perlu juga dilihat perbezaan antara sedekah biasa dan sedekah jariah. Sebenarnya terdapat beberapa istilah dalam feqah mengenai wakaf, antaranya ialah sedekah. Sedekah terdapat dalam dua bentuk iaitu *al-sadaqah al-tatawwu'* atau sedekah biasa dan kedua ialah *al-sadaqah al-jariah* (wakaf). Sedekah biasa ialah sedekah yang tidak terikat dengan apa-apa syarat sebagaimana Allah SWT berfirman:

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقْتُ وَأَكُن مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah sebahagian daripada apa yang telah kami berikan kepadamu sebelum datang kematian kepada salah seorang di antara kamu; lalu ia berkata: Ya Tuhanku, mengapa Engkau tidak menangguhkan (kematian)ku sampai waktu yang dekat, yang menyebabkan aku dapat bersedekah dan aku termasuk orang-orang yang soleh?” (Surah al-Munafikun, ayat 10)

Manakala sedekah jariah atau wakaf, ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya. Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum dan khusus seperti mana yang telah ditetapkan oleh pewakaf dengan tujuan untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT. Amalan sedekah jariah atau wakaf ini telah disebut dalam hadis Rasulullah SAW dengan sabdanya:

عن أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: (إذا مات الإنسان انقطع عمله إلا من ثلاث : صدقة جارية أو علم ينتفع به أو ولد صالح يدعو له .)

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “Apabila mati anak Adam, akan terhentilah amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang mendoakannya. (Sahih Muslim, No. Hadis: 1631, Bab Kitab al-Wasiyyah)*

Jika dilihat kepada perbandingan tersebut, sedekah dan wakaf mempunyai persamaan dan perbezaan. Persamaan antara sedekah dan wakaf adalah merupakan dua bentuk pengeluaran harta oleh seorang muslim berdasarkan tuntutan agama, yang berasaskan kepada dasar bantu membantu sesama muslim atau kaum kerabat. Dasar bantu membantu ini merupakan perkara positif yang diterima baik oleh semua manusia walaupun berbeza fahaman agama, bahkan sikap ini diiktiraf oleh Islam (*Surah Ali 'Imran*, ayat 3). Dengan bersedekah dan berwakaf dapat membentuk diri dan jiwa orang yang bersedekah dan berwakaf supaya menjadi pemurah, suka membantu orang lain bahkan dapat membantu membangunkan ekonomi masyarakat

dan negara. Selain itu mereka juga berlumba-lumba untuk mendapatkan ganjaran daripada Allah SWT (*Surah al-Baqarah*, ayat 261).

Berdasarkan perbezaan antara sedekah biasa dan wakaf pula, sedekah biasa memberi kebebasan kepada pemberi sedekah untuk memberikan apa sahaja harta miliknya sama ada harta tersebut memberi manfaat jangka pendek atau jangka panjang bagi tujuan memperolehi balasan baik daripada Allah tanpa terikat dengan apa-apa syarat seperti wakaf. Manakala harta wakaf akan menjadi milik Allah setelah pewakaf mewakafkan hartanya. Beliau juga terlepas daripada milikan dan harta tersebut tidak boleh dijual beli, diwasiatkan, diwaris dan dihibahkan. Apa yang diperolehi daripada harta tersebut hanyalah manfaatnya dan harta wakaf tersebut terikat dengan tujuan pewakaf tersebut. Harta wakaf adalah harta yang bersifat kekal fizikalnya dan hasil daripada harta wakaf adalah untuk faedah umum atau khusus seperti yang telah disyaratkan oleh pewakaf dan harta wakaf yang tidak disebut syarat penggunaannya hendaklah digunakan selaras dengan hukum syarak. Termasuklah dalam konteks sedekah jariah (wakaf) ini, segala wakaf dalam bidang pendidikan.

4.3 Konsep Wakaf

Konsep wakaf sebenarnya tertumpu kepada pembekuan atau pemegangan aset yang diwakafkan dan hanya manfaat mawquf berkenaan untuk digunakan bagi faedahnya. Ditinjau dari sudut pemilikan aset berkenaan, wakaf dianggap sebagai terhak kepada Allah SWT. Konsep ini menekankan bahawa pewakaf dan aset yang diwakafkan tidak mempunyai sebarang hubungan lagi selepas sesuatu kontrak pewakafan diwujudkan. Dengan ini seseorang pewakaf tidak mempunyai hak untuk menjalankan apa-apa transaksi terhadap aset yang diwakafkan. Konsep ini juga didapati memenuhi kriteria penting sesuatu perwakafan iaitu elemen kekal di dalamnya.

Wakaf merupakan sistem yang murni bagi kemaslahatan umat Islam di dunia dan akhirat, bahkan ianya tidak bersifat spesifik tetapi menyeluruh contohnya penggunaan harta wakaf bukan untuk membangunkan dan disalurkan di tempat-tempat ibadah sahaja akan tetapi ianya juga mencakupi dalam aspek ekonomi, ketenteraan, sosial, pendidikan dan sebagainya. Antara amalan yang dipuji dalam Islam adalah berwakaf, dimana seseorang membahagikan dan membelanjakan hartanya di jalan Allah dengan tujuan kebajikan contohnya seseorang mewakafkan tanah untuk membangunkan rumah asuhan anak-anak yatim.

Pada masa kini, sistem wakaf telah membangun dengan pesat kerana jabatan wakaf sangat aktif dalam memajukan harta wakaf. Kemajuan wakaf ini bukan sekadar untuk menjana ekonomi setempat akan tetapi bagi membantu meringankan beban Majlis Agama Islam di setiap negeri yang menanggung kos-kos tetap seperti cukai tanah dan sebagainya yang perlu dibayar setiap tahun.

Selain itu, sistem wakaf sangat membantu negara dalam dalam menjaga kemaslahatan umat Islam, memberi keselesaan dan membantu asnaf di negara ini. Selain itu, ianya juga bagi mendekatkan diri seseorang kepada Allah Maha Esa dan mencegah adanya jurang seperti perbezaan taraf dikalangan umat Islam. (Saifudin, 2019).

4.4 Kategori Wakaf

Berdasarkan portal rasmi wakaf seperti eWakaf UiTM dan Yayasan Wakaf Malaysia, terdapat beberapa katerogi wakaf yang ada dalam pengurusan wakaf iaitu wakaf am dan wakaf khas. Wakaf am iaitu wakaf yang mutlak, kategori ini merupakan pewakaf mewakafkan harta tanpa tujuan yang tertentu, dimana harta wakaf tersebut boleh digunakan dan disalurkan kemana sahaja dan kepada sesiapa selagi mana ianya tidak bertentangan dengan syarak.

Manakala wakaf khas iaitu wakaf *muqayyad*, kategori ini pula dimana pewakaf memberitahu tujuan spesifik mewakafkan harta tersebut sebagai contoh pewakaf mewakafkan tanah yang kosong untuk pembinaan rumah asuhan anak yatim. Oleh itu, harta tanah yang diwakaf itu khusus untuk pembinaan rumah asuhan anak yatim sahaja. Sebagai penambahan, menurut Mufti Wilayah Persekutuan, hukum menerima harta wakaf dari orang bukan Islam adalah dibolehkan dan sah penerimaannya. Pewakaf dari bukan Islam juga berhak menentukan sama ada harta wakaf tersebut digunakan untuk tujuan khusus atau secara umum selagi mana ianya tidak bertentangan dengan syarak.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif yang berkaitan dengan menjelaskan tentang konsep amalan tunai wakaf di Daerah Kuching Sarawak. Kaedah survei iaitu berbentuk kuantitatif digunakan untuk mengumpul data utama daripada responden iaitu responden yang terdiri daripada masyarakat Islam di Daerah Kuching. Set soal selidik telah distrukturkan berdasarkan pemahaman tentang konsep wakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Daerah Kuching.

Borang survei ini distruktur dengan dua bahagian bagi memenuhi keperluan analisis yang sistematik antara pemboleh ubah demografi dan konstruk kajian. Bahagian A (demografi) berfungsi untuk mengumpul maklumat latar belakang responden sebagai pemboleh ubah bebas, manakala Bahagian B memfokuskan kepada pengukuran konstruk kajian seperti pengetahuan, kesedaran dan persepsi terhadap wakaf tunai sebagai pemboleh ubah bersandar. Pembahagian ini penting bagi membolehkan analisis hubungan dan perbandingan dilakukan secara jelas, di samping meningkatkan kejelasan struktur soal selidik, mengurangkan kekeliruan responden, serta menyokong kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Bahagian pertama merangkumi butiran latar belakang responden dari aspek jantina sama ada lelaki atau perempuan, aspek tahap pendidikan tertinggi sama ada tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau ke bawah, tahap Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau Diploma, atau tahap ijazah atau ke atas, dan aspek lokasi tempat tinggal responden dengan pilihan sama ada Bahagian Kuching atau Selain Bahagian Kuching.

Sementara bahagian kedua survei ini dibentuk dengan empat seksyen iaitu seksyen A, seksyen B, seksyen C dan seksyen D. Sementara kaedah pengukuran pula terbahagi kepada dua iaitu pilihan jawapan 'ya' atau 'tidak' bagi seksyen A dan seksyen B. Manakala seksyen C pula merupakan item pernyataan bagi mengukur tahap persetujuan responden mengenai aspek pengetahuan mengenai amalan wakaf

tunai di Daerah Kuching. Seksyen C ini menggunakan skala likert dengan lima skala, iaitu: Skala 1 bagi Sangat Tidak Setuju (STS), Skala 2 bagi Tidak Setuju (STS), Skala 3 bagi Kurang Setuju (STS), Skala 4 bagi Setuju (S), dan Skala 5 bagi Sangat Setuju (SS).

Kandungan item seksyen A terdiri daripada empat item pembolehubah bagi mengukur tahap pengetahuan responden mengenai konsep wakaf secara umum, iaitu:

1. Saya pernah dengar perkataan Wakaf.
2. Saya tahu maksud perkataan Wakaf.
3. Saya pernah lihat masyarakat melakukan amalan Wakaf.
4. Saya sendiri pernah melakukan amalan Wakaf.

Kandungan item seksyen B pula terdiri daripada empat item pembolehubah bagi mengukur tahap pengetahuan responden mengenai konsep wakaf tunai secara khusus, iaitu:

5. Saya pernah dengar perkataan Wakaf Tunai.
6. Saya tahu maksud perkataan Wakaf Tunai.
7. Saya pernah lihat masyarakat melakukan amalan Wakaf Tunai.
8. Saya sendiri pernah melakukan amalan Wakaf Tunai

Kandungan item seksyen C pula distruktur bagi mengukur tahap kefahaman responden mengenai konsep wakaf tunai. Ia dikelaskan kepada empat aspek khusus sebagaimana berikut:

- a. Aspek khusus 1: tahap persetujuan mengenai kefahaman umum mengenai konsep wakaf tunai (item 9-11)
 9. Saya tahu beza antara harta yang hendak diwakafkan dengan harta yang disedekahkan.
 10. Saya tahu beza antara Wakaf Tunai dengan Wakaf Bukan Tunai.
 11. Saya mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai Wakaf Tunai.
- b. Aspek khusus 2: tahap persetujuan mengenai minat terhadap amalan wakaf tunai (item 12-13)
 12. Saya berminat untuk mengetahui lebih mendalam mengenai Wakaf Tunai.
 13. Saya berminat untuk mengamalkan Wakaf Tunai.
- c. Aspek khusus 3: tahap persetujuan mengenai operasional amalan amalan wakaf tunai (item 14-19)
 14. Harta yang hendak diwakafkan hendaklah bersifat kekal, iaitu tidak hilang zatnya apabila digunakan.
 15. Wakaf Tunai melibatkan mewakafkan wang tunai kepada pihak pengurusan wakaf.
 16. Wakaf Tunai mudah dilakukan dengan sumbangan yang mampu serendah RM2.

17. Wakaf Tunai mudah dilakukan dengan platform secara tunai atau pindah akaun pengurus wakaf.
 18. Harta Wakaf diurus oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) bagi pihak Majlis Islam Sarawak (MIS).
 19. Selain TBS, pihak luar boleh mengurus kutipan Wakaf Tunai dengan keizinan daripada MIS.
- d. Aspek khusus 4: tahap persetujuan mengenai fungsi wakaf tunai (item 20-26)
20. Proses edukatif amalan Wakaf Tunai di kalangan masyarakat perlu ditingkatkan.
 21. Meningkatkan kemahiran pentadbiran di kalangan pengurusan Wakaf.
 22. Meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal di kalangan pengurusan Wakaf.
 23. Menggunakan Wakaf Tunai untuk penyediaan fasiliti pendidikan.
 24. Menggunakan Wakaf Tunai untuk penyediaan fasiliti perumahan.
 25. Menggunakan Wakaf Tunai untuk penyediaan fasiliti kesihatan/perubatan.
 26. Menggunakan Wakaf Tunai untuk penyediaan fasiliti pinjaman mikro.

Sementara seksyen D pula adalah berbentuk soalan terbuka, iaitu apakah komen atau cadangan daripada responden mengenai pengukuhan dan penambahbaikan amalan wakaf tunai di Daerah Kuching. Maklum-balas bahagian ini digunakan bagi menambah dan mengemaskini dapatan-dapatan dari empat aspek khusus di atas.

5.1 Populasi dan Saiz Sampel

Sementara populasi dan saiz sampel pula, pemilihan responden adalah di kalangan masyarakat Islam di Daerah Kuching, dan dipilih secara rawak berdasarkan responden yang boleh dihubungi melalui talian *WhatsApp* secara individu atau Kumpulan *WhatsApp* tertentu. Hasil daripada maklum balas responden akan dianalisis dan perbincangan selanjutnya.

5.2 Instrumen Analisis Data

Pengumpulan dan menganalisis data adalah untuk memastikan kaedah yang digunakan dapat membantu penyelidik mencapai objektif kajian. Instrumen yang digunakan bagi menganalisis data adalah berbentuk kuantitatif melalui kaedah survei. Kaedah survei yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah menyediakan set soal selidik yang mengandungi pelbagai soalan yang berkaitan dengan tajuk kajian ini iaitu tahap pengetahuan konsep amalan wakaf tunai dalam kalangan masyarakat Islam di Daerah Kuching. Kuantitatif adalah penyelidikan yang cuba mengintegrasikan hasil kajian yang dilakukan pada populasi diketahui mempunyai persamaan. Penyelidik akan mengedarkan set soalan kajian secara atas talian kepada responden. Selepas beberapa ketika, set soalan akan diperhatikan untuk menilai jawapannya.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian khas yang iaitu *Statistical Package for Social Science* (SPSS) di mana ia dapat membantu dalam pengiraan yang betul bagi menganalisis data dalam kajian ini. Data yang terkumpul telah diproses dengan analisis deskriptif. Kajian ini memberi tumpuan kepada maklumat deskriptif yang diterangkan sebagai koleksi sampel. Di samping itu, analisis ini dijalankan untuk mengkaji tahap tahap kefahaman terhadap amalan wakaf tunai di Daerah Kuching Sarawak.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan hasil kajian yang diperoleh berdasarkan objektif kajian yang telah dibentuk. Untuk memperoleh dapatan kajian ini, sebanyak 274 responden telah melengkapkan borang soal selidik yang diedarkan secara link *google form*. Analisis dapatan kajian dimulakan dengan penerangan tentang demografi responden kajian, kemudian dikemukakan analisis dapatan kajian berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Data yang telah dimasukkan dalam alat analisis SPSS akan dilakukan secara deskriptif berdasarkan kekerapan dan peratusan yang telah dikenal pasti.

6.1 Analisis Statistik Demografi

Kajian ini menganalisis demografi responden berdasarkan tiga aspek iaitu aspek jantina, aspek pendidikan tertinggi dan aspek lokasi kediaman. Bagi aspek pertama iaitu dari aspek jantina, kajian ini melibatkan seramai 274 responden, dengan pecahan responden mengikut jantina iaitu 82 lelaki (29.9%), dan 192 perempuan (70.1%). Data ini menunjukkan majoriti responden adalah daripada kalangan perempuan berbanding dengan responden lelaki.

Dari aspek pendidikan tertinggi responden pula, data survei menjelaskan bahawa majoriti responden mempunyai pendidikan tertinggi pada kedudukan ijazah atau ke atas, iaitu seramai 131 responden (47.8%). Ini menunjukkan majoriti responden adalah berpendidikan tinggi. Selanjutnya data survei menunjukkan responden yang mempunyai pendidikan tertinggi pada tahap Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Diploma berada pada kedudukan kedua tertinggi, iaitu seramai 98 (35.8%). Sementara responden yang mempunyai pendidikan hanya pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau tahap ke bawah adalah pada kedudukan yang paling rendah, iaitu seramai 45 responden (16.4%).

Manakala lokasi tempat tinggal responden berdasarkan kajian ini dibahagikan kepada dua lokasi iaitu pertama, Bahagian Kuching dan kedua, Selain Bahagian Kuching. Dapatan survei ini mendapati bahawa majoriti responden adalah mendiami di Bahagian Kuching, iaitu seramai 179 responden (65.3%) berbanding responden yang mendiami di lokasi Selain Bahagian Kuching adalah seramai 95 orang (34.7%). Ini boleh jadi responden yang mendiami Bahagian Samarahan, tetapi bekerja di Bahagian Kuching, ataupun boleh jadi mereka yang mendiami di Bahagian Selain Bahagian Kuching tetapi berasal atau dilahirkan di Bahagian Kuching.

Rumusan awal daripada demografi responden ini menunjukkan bahawa taburan latar belakang responden adalah sesuai dan seimbang. Bahkan ia juga

menunjukkan kualiti pendidikan di kalangan responden adalah pada tahap mempunyai pendidikan. Perkara ini boleh memberi impak positif dalam menentukan tahap pengetahuan mereka mengenai konsep wakaf secara umum dan konsep dan amalan wakaf tunai secara khusus.

6.2 Analisis Aspek Pengetahuan Mengenai Wakaf Secara Umum

Pada peringkat ini, survei ini memfokuskan kepada pengumpulan data aspek pengetahuan mengenai konsep wakaf secara umum. Bahagian ini dibahagikan kepada empat pernyataan bagi mengukur tahap pengetahuan responden mengenai konsep wakaf. Perkara ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Analisis Tahap Pengetahuan Responden Mengenai Konsep Wakaf

Item Pernyataan	Ya	Tidak
1. Saya pernah dengar perkataan Wakaf.	273 (100%)	-
2. Saya tahu maksud perkataan Wakaf.	270 (98.5%)	4 (1.5%)
3. Saya pernah lihat masyarakat melakukan amalan Wakaf.	253 (93.0%)	19 (7.0%)
4. Saya sendiri pernah melakukan amalan Wakaf.	170 (62.3%)	103 (37.7%)

Dalam pernyataan item 1 ini mengenai pengetahuan responden sama ada pernah dengar atau tidak perkataan wakaf, maklum-balas responden menunjukkan bahawa semua responden menyatakan 'ya'. Ini menunjukkan perkataan wakaf adalah satu perkataan biasa yang pernah didengar oleh responden. Data survei menunjukkan jumlah maklum-balas diterima adalah seramai 273 orang responden. Terdapat seorang responden tidak memberi maklum balas.

Pernyataan dalam item 2 ini adalah lanjutan daripada item 1 sebelumnya. Pernyataan dalam item 2 adalah mengenai pengetahuan responden sama ada tahu maksud perkataan wakaf atau tidak tahu, maklum-balas responden menunjukkan bahawa hampir kesemua responden menyatakan 'ya'. Ini menunjukkan konsep wakaf juga diketahui maksudnya. Hal ini mungkin disebabkan perkataan ini telah berakar umbi dalam kehidupan sehari-harian di kalangan masyarakat Islam. Data survei menunjukkan jumlah maklum-balas diterima adalah seramai 274 orang responden, dengan taburan yang menjawab 'ya' adalah 270 orang responden (98.5%), sementara maklum-balas yang menjawab 'tidak' adalah seramai 4 orang responden (1.5%).

Selanjutnya pernyataan dalam item 3 pula adalah mengenai persetujuan responden sama ada pernah lihat masyarakat melakukan amalan wakaf. Berdasarkan maklum-balas responden (n=272), seramai 253 orang responden menyatakan pilihan jawapan 'ya' bagi menunjukkan mereka pernah lihat amalan wakaf dilakukan di kalangan masyarakat. Jumlah ini mewakili sebanyak 93 %, iaitu suatu jumlah yang menghampiri seratus peratus. Namun terdapat juga responden yang memilih pilihan jawapan 'tidak' bagi menunjukkan mereka tidak pernah lihat amalan wakaf dilakukan di kalangan masyarakat di Daerah Kuching. Namun jumlahnya adalah sangat sedikit iaitu seramai 19 orang responden (7 %).

Manakala pernyataan dalam item 4 pula adalah mengenai persetujuan responden sama ada dia sendiri pernah melakukan amalan wakaf atau tidak pernah. Berdasarkan maklum-balas responden (n=273), seramai 170 orang responden menyatakan pilihan jawapan 'ya' bagi menunjukkan mereka sendiri melakukan amalan wakaf. Jumlah ini mewakili sebanyak 62.3%, iaitu suatu jumlah yang melebihi setengah daripada jumlah keseluruhan responden.

Bagi responden yang memilih pilihan jawapan 'tidak' bagi menunjukkan mereka tidak melakukan amalan wakaf menunjukkan jumlah yang agak besar iaitu 103 responden (37.7%). Ini boleh jadi disebabkan tahap kemampuan mereka.

6.3 Analisis Pengetahuan Mengenai Wakaf Tunai

Kajian ini juga mengukur tahap pengetahuan responden mengenai konsep wakaf tunai secara khusus sebagaimana diamalkan di Daerah Kuching. Bahagian ini juga dibahagikan kepada 4 pernyataan bagi mengukur tahap pengetahuan responden mengenai konsep wakaf tunai. Perkara dijelaskan dalam huraian di bawah.

Jadual 2: Analisis Tahap Pengetahuan Responden Mengenai Wakaf Tunai

Item Pernyataan	Ya	Tidak
5. Saya pernah dengar perkataan Wakaf Tunai.	227 (83.2%)	46 (16.5%)
6. Saya tahu maksud perkataan Wakaf Tunai.	213 (78.3%)	59 (21.7%)
7. Saya pernah lihat masyarakat melakukan amalan Wakaf Tunai.	181 (66.1%)	93 (33.9%)
8. Saya sendiri pernah melakukan amalan Wakaf Tunai.	123 (44.9%)	151 (55.1%)

Dalam pernyataan dalam item 5 ini mengenai pengetahuan responden sama ada pernah dengar atau tidak perkataan wakaf tunai, maklum-balas responden (n=273) menunjukkan bahawa tidak semua responden menyatakan 'ya'. Maklum-balas yang menjawab 'ya' adalah seramai 227 orang (83.2%). Ini menunjukkan perkataan wakaf tunai juga adalah satu perkataan biasa yang pernah didengar oleh ramai responden. Sementara responden yang menjawab pilihan jawapan 'tidak' adalah berjumlah 46 orang responden (16.8%).

Pernyataan dalam item 6 ini adalah lanjutan daripada item 5 sebelumnya. Pernyataan dalam item 6 adalah mengenai pengetahuan responden sama ada tahu maksud perkataan wakaf tunai atau tidak tahu, maklum-balas responden menunjukkan bahawa melebihi tiga suku daripada keseluruhan responden (n=272) menyatakan 'ya'. Ini menunjukkan bahawa, sebagaimana konsep wakaf, konsep wakaf tunai juga diketahui maksudnya dengan skor yang tinggi iaitu seramai 213 (78.3%). Hal ini mungkin disebabkan perkataan ini juga adalah cabang daripada perkataan wakaf itu sendiri menyebabkan para responden mengenali maksud perkataan wakaf tunai. Sementara maklum-balas yang menjawab 'tidak' adalah seramai 59 orang responden (21.7%). Jumlah ini agak berbesar dan perlu diberi perhatian segera oleh pihak berwajib bagi meningkatkan program kesedaran mengenai wakaf tunai ini khususnya di Daerah Kuching.

Selanjutnya pernyataan dalam item 7 pula adalah mengenai persetujuan responden sama ada pernah lihat masyarakat melakukan amalan wakaf tunai. Berdasarkan maklum-balas responden (n=274), seramai 181 orang responden menyatakan pilihan jawapan 'ya' bagi menunjukkan mereka pernah lihat amalan wakaf tunai dilakukan di kalangan masyarakat di Daerah Kuching. Jumlah ini mewakili sebanyak 66.1%, iaitu suatu jumlah yang melebihi dua pertiga daripada jumlah keseluruhan responden. Dapatan ini menunjukkan bahawa masih ramai lagi responden yang pernah melihat amalan berwakaf ini. Namun begitu, jumlah responden yang memilih pilihan jawapan 'tidak' bagi menunjukkan mereka tidak pernah lihat amalan wakaf tunai dilakukan di kalangan masyarakat di Daerah Kuching, adalah berjumlah 93 orang (33.9%). Namun jumlah ini agak besar dan perlu dikurangkan dari semasa ke semasa melalui program kesedaran berwakaf tunai.

Manakala pernyataan dalam item 8 pula adalah mengenai persetujuan dan pengakuan responden sama ada dia sendiri pernah melakukan amalan wakaf tunai. Berdasarkan maklum-balas responden (n=274), seramai 151 orang responden menyatakan pilihan jawapan 'tidak' bagi menunjukkan mereka tidak melakukan amalan wakaf tunai di Daerah Kuching. Jumlah ini mewakili sebanyak 55.1%, iaitu suatu jumlah yang melebihi setengah daripada jumlah keseluruhan responden. Dapatan ini menunjukkan bahawa masih ramai lagi responden yang belum melakukan amalan berwakaf ini. Justeru, penyelidik menanggapi perkara ini perlu diambil tindakan susulan seperti meningkatkan promosi dan pendidikan secara lebih santai khususnya melalui media sosial. Bagi responden yang memilih pilihan jawapan 'ya' bagi menunjukkan mereka pernah melakukan amalan wakaf tunai di Daerah Kuching, adalah berjumlah 123 orang (44.9%).

6.4 Analisis Tahap Kefahaman Mengenai Wakaf Tunai

Seterusnya kajian ini memfokuskan kepada mengenalpasti tahap kefahaman responden secara lebih khusus terhadap konsep wakaf tunai di Daerah Kuching. Untuk itu, terdapat pernyataan 3 item yang dibentuk bagi mencapai objektif ini.

Jadual 3: Analisis Tahap Kefahaman Responden Mengenai Wakaf Tunai

Tahap Persetujuan		1	2	3	4	5
Item		(STS)	(TS)	(KS)	(S)	(SS)
9.	Saya tahu beza antara harta yang hendak diwakafkan dengan harta yang disedekahkan.	5 (1.8%)	7 (2.6%)	35 (12.8%)	152 (55.7%)	74 (27.1%)
10.	Saya tahu beza antara Wakaf Tunai dengan Wakaf Bukan Tunai.	6 (2.2%)	17 (6.2%)	48 (17.6%)	140 (51.3%)	62 (22.7%)
11.	Saya mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai Wakaf Tunai.	6 (2.2%)	24 (8.9%)	90 (33.2%)	120 (44.3%)	31 (11.4%)

Hasil daripada maklum-balas responden terhadap survei boleh dijelaskan berdasarkan Jadual 3. Taburan data maklum-balas responden terhadap survei seperti ditunjukkan dalam jadual di atas bahawa tahap pemahaman terhadap konsep wakaf tunai adalah tinggi. Perkara ini dijelaskan melalui dapatan item 9, item 10 dan item 11.

Pada item 9, majoriti responden yang bersetuju bahawa mereka mengetahui perbezaan antara harta yang hendak diwakafkan dengan harta yang disedekahkan. Tujuan pernyataan item ini adalah untuk mengetahui sama ada responden mengetahui apakah beza antara wakaf dengan sedekah. Secara terperinci, jumlah maklum balas responden adalah 273 orang responden. Seramai seramai 226 orang responden (82.8%) yang bersetuju bahawa mereka mengetahui perbezaan antara wakaf dengan harta sedekah. Sementara bakinya, iaitu 47 orang responden pula (17.2%) adalah tidak bersetuju bahawa mereka mengetahui beza antara harta wakaf dengan harta sedekah.

Sementara itu, item 10 adalah mengenai pernyataan perbezaan antara wakaf tunai dengan wakaf bukan tunai. Dapatan survei menunjukkan bahawa seramai 202 responden (74%) menyatakan bersetuju bahawa mereka mengetahui beza antara wakaf tunai dengan wakaf bukan tunai. Sementara bakinya, seramai 71 orang (26%) adalah tidak bersetuju bahawa mereka mengetahui beza antara wakaf tunai dengan wakaf bukan tunai.

Seterusnya item 11 pula adalah mengenai pernyataan dan pengakuan mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai wakaf tunai. Dapatan survei menunjukkan bahawa lebih setengah daripada jumlah keseluruhan responden bersetuju dan mengakui bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai wakaf tunai, iaitu dengan jumlah seramai 151 orang responden (55.7 %). Manakala bakinya, seramai 120 orang responden (44.3%) adalah tidak bersetuju bahawa mereka mengetahui dengan jelas mengenai wakaf tunai.

6.5 Analisis Minat Mengenai Amalan Wakaf Tunai

Seterusnya kajian ini memfokuskan kepada mengenalpasti tahap minat responden secara lebih khusus terhadap amalan wakaf tunai di Daerah Kuching. Untuk itu, terdapat pernyataan 2 item yang dibentuk bagi mencapai objektif ini. Hasil daripada maklum-balas responden terhadap survei boleh dijelaskan berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 4: Analisis Minat Responden Terhadap Amalan Wakaf Tunai

Tahap Persetujuan		1	2	3	4	5
Item		(STS)	(TS)	(KS)	(S)	(SS)
12.	Saya berminat untuk mengetahui lebih mendalam mengenai Wakaf Tunai.	3 (1.1%)	-	13 (4.8%)	151 (55.5%)	105 (38.6%)
13.	Saya berminat untuk mengamalkan Wakaf Tunai.	2 (0.7%)	1 (0.4%)	21 (7.8%)	168 (62.2%)	78 (28.9%)

Taburan data maklum-balas responden terhadap survei seperti ditunjukkan dalam jadual di atas bahawa tahap minat terhadap amalan wakaf tunai adalah tinggi. Perkara ini dijelaskan melalui dapatan item 12, dan item 13.

Dalam item 12, majoriti responden yang bersetuju bahawa mereka berminat untuk mengetahui lebih mendalam mengenai wakaf tunai. Tujuan pernyataan item ini adalah untuk mengetahui sama ada responden berminat untuk amalan wakaf tunai khususnya dari aspek kelebihan dan hikmahnya. Secara terperinci, jumlah maklum balas responden adalah 274 orang responden. Seramai seramai 256 orang responden (94.1%) menyatakan persetujuan bahawa mereka berminat untuk mengetahui lebih mendalam mengenai wakaf tunai. Sementara bakinya, iaitu 16 orang responden pula (5.9%) adalah tidak bersetuju bahawa mereka minat untuk mengetahui lebih mendalam amalan wakaf tunai.

Sementara item 13 adalah mengenai pernyataan berminat untuk mengamalkan wakaf tunai. Dapatan survei menunjukkan bahawa seramai 246 responden (91.1%) menyatakan bersetuju bahawa mereka berminat untuk mengamalkan wakaf tunai. Skor jumlah yang tinggi adalah baik kerana mereka sudah memasang niat dan hasrat untuk berbuat kebajikan melalui amalan berwakaf tunai. Sementara bakinya, seramai 24 orang (8.9%) adalah tidak bersetuju bahawa mereka berminat untuk mengamalkan wakaf tunai.

6.6 Analisis Operasional Mengenai Amalan Wakaf Tunai

Seterusnya kajian ini memfokuskan kepada mengenalpasti tahap operasional amalan wakaf tunai berdasarkan pemahaman para responden terhadap amalan wakaf tunai di Daerah Kuching. Untuk itu, terdapat pernyataan 6 item yang dibentuk bagi mencapai objektif ini. Hasil daripada maklum-balas responden terhadap survei boleh dijelaskan berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 5: Analisis Tahap Operasional Responden Terhadap Amalan Wakaf Tunai

Item	Tahap Persetujuan				
	1 (STS)	2 (TS)	3 (KS)	4 (S)	5 (SS)
14. Harta yang hendak diwakafkan hendaklah bersifat kekal, iaitu tidak hilang zatnya apabila digunakan.	2 (0.7%)	1 (0.4%)	13 (4.8%)	163 (60.1%)	92 (33.9%)
15. Wakaf Tunai melibatkan mewakafkan wang tunai kepada pihak pengurusan wakaf.	3 (1.1%)	5 (1.8%)	24 (8.8%)	176 (64.7%)	64 (23.5%)
16. Wakaf Tunai mudah dilakukan dengan sumbangan yang mampu serendah RM2.	1 (0.4%)	4 (1.5%)	25 (9.2%)	177 (65.1%)	65 (23.9%)
17. Wakaf Tunai mudah dilakukan dengan platform secara tunai atau pindah akaun pengurus wakaf.	-	2 (0.7%)	26 (9.5%)	177 (64.8%)	68 (24.9%)
18. Harta Wakaf diurus oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) bagi	1 (0.4%)	4 (1.5%)	18 (6.6%)	174 (64.0%)	75 (27.6%)

pihak Majlis Islam Sarawak (MIS).					
19. Selain TBS, pihak luar boleh mengurus kutipan Wakaf Tunai dengan keizinan daripada MIS.	4 (1.5%)	6 (2.2%)	57 (21.0%)	162 (59.6%)	43 (15.8%)

Taburan data maklum-balas responden terhadap survei seperti ditunjukkan dalam jadual di atas bahawa tahap operasional amalan wakaf tunai di Daerah Kuching adalah tahap yang baik. Perkara ini dijelaskan melalui dapatan item 14, item 15, item 16, item 17, item 18 dan item 19.

Dalam item 14, majoriti responden yang bersetuju mengenai pernyataan “Harta yang hendak diwakafkan hendaklah bersifat kekal, iaitu tidak hilang zatnya apabila digunakan”. Ini sesuai dengan maksud wakaf itu sendiri iaitu mengekalkan harta atas milik Allah SWT. Secara terperinci, jumlah maklum balas responden adalah 274 orang responden. Seramai seramai 255 orang responden (94.0%) yang bersetuju mengenai pernyataan item 14 ini. Sementara bakinya, iaitu 16 orang responden pula (5.9%) adalah tidak bersetuju bahawa mereka minat untuk mengetahui lebih mendalam amalan wakaf tunai.

Sementara item 15 adalah mengenai pernyataan “Wakaf Tunai melibatkan mewakafkan wang tunai kepada pihak pengurusan wakaf”. Dapatan survei menunjukkan bahawa seramai 240 responden (88.2%) menyatakan tahap persetujuan mereka mengenai item 15 ini. Skor jumlah yang tinggi adalah sebagai memberi persepsi kepercayaan mereka kepada pihak pengurusan bagi mentadbir harta wakaf tunai. Apatah lagi harta wakaf tunai ini adalah melibatkan dana amanah, iaitu amanah kepada Allah SWT dan amanah kepada pemberi sumber wakaf untuk melaksanakan projek wakaf tunai sesuai dengan niat dan hasrat pewakaf. Sementara bakinya, seramai 32 orang (11.7%) adalah tidak bersetuju bahawa harta wakaf tunai melibatkan mewakafkan wang tunai kepada pihak pengurusan wakaf. Kategori responden ini mungkin mempunyai pandangan lain dalam aspek pengurusan dan pentadbiran wakaf tunai. Ini kerana ia adalah melibatkan pengumpulan dana atau wang yang terdedah dengan pecah amanah mahupun manipulasi dana pada jalan yang tidak sah.

Dalam item 16, majoriti responden yang bersetuju mengenai pernyataan “Wakaf Tunai mudah dilakukan dengan sumbangan yang mampu serendah RM2”. Maklum-balas ini secara tidak langsung menunjukkan responden faham mengenai konsep asas wakaf tunai iaitu membayar secara tunai (*cash*) walaupun dengan kadar yang rendah seperti RM2. Secara terperinci, jumlah maklum balas responden adalah 274 orang responden. Seramai seramai 242 orang responden (89.0%) yang bersetuju mengenai pernyataan item 16 ini. Sementara bakinya, iaitu 29 orang responden (11.1%) adalah tidak bersetuju bahawa wakaf tunai mudah dilakukan dengan sumbangan yang mampu serendah RM2. Boleh jadi responden jenis ini mempunyai persepsi atau pandangan yang lain dalam memberi tafsir atau huraian mengenai kadar yang boleh disumbangkan dalam wakaf tunai.

Sementara item 17 adalah mengenai pernyataan wakaf tunai mudah dilakukan dengan platform secara tunai atau pindah akaun pengurus wakaf. Dalam hal ini, dapatan survei menunjukkan bahawa seramai 245 responden (88.9%) menyatakan bersetuju bahawa wakaf tunai mudah dilakukan dengan platform secara tunai atau

pindah akaun pengurus wakaf. Sekali lagi dapatan ini menunjukkan kepercayaan yang tinggi pewakaf kepada pengurus wakaf untuk mengurus harta atau dana wakaf tunai dengan jalan yang sah. Sementara bakinya, seramai 28 orang (10.2%) adalah tidak bersetuju dan menolak bahawa wakaf tunai mudah dilakukan dengan platform secara tunai atau pindah akaun pengurus wakaf.

Dalam item 18, majoriti responden yang bersetuju mengenai pernyataan “Harta Wakaf diurus oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) bagi pihak Majlis Islam Sarawak (MIS)”. Ini sesuai dengan kuasa pengurusan wakaf di Negeri Sarawak adalah Majlis Islam Sarawak, sementara pihak Tabung Baitulmal Sarawak pula bertindak sebagai pihak pentadbir harta wakaf. Secara terperinci, jumlah maklum balas responden adalah 274 orang responden. Seramai seramai 249 orang responden (91.6%) yang bersetuju mengenai pernyataan item 18 ini. Sementara bakinya, iaitu 23 orang responden pula, iaitu mewakili 8.5% adalah tidak bersetuju dan menolak bahawa harta wakaf diurus oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) bagi pihak Majlis Islam Sarawak (MIS).

Sementara item 19 ini adalah susulan daripada item 18 sebelumnya. Item 19 adalah mengenai pernyataan “Selain TBS, pihak luar boleh mengurus kutipan Wakaf Tunai dengan keizinan daripada MIS”. Dapatan survei menunjukkan bahawa seramai 205 responden (75.4%) menyatakan bersetuju mengenai item 19 ini. Sementara bakinya, seramai 67 orang (24.7%) adalah tidak bersetuju dan menolak bahawa selain TBS, pihak luar boleh mengurus kutipan wakaf tunai dengan keizinan daripada MIS.

6.7 Analisis Fungsi Mengenai Amalan Wakaf Tunai

Seterusnya kajian ini memfokuskan kepada mengenalpasti tahap fungsi amalan wakaf tunai berdasarkan pemahaman para responden terhadap amalan wakaf tunai di Daerah Kuching. Untuk itu, terdapat pernyataan 7 item yang dibentuk bagi mencapai objektif ini. Hasil daripada maklum-balas responden terhadap survei boleh dijelaskan berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 7: Analisis Tahap Fungsi Responden Terhadap Amalan Wakaf Tunai

Item	Tahap Persetujuan				
	1 (STS)	2 (TS)	3 (KS)	4 (S)	5 (SS)
20. Proses edukatif amalan Wakaf Tunai di kalangan masyarakat perlu ditingkatkan.	-	1 (0.4%)	9 (3.3%)	143 (52.4%)	120 (44.0%)
21. Meningkatkan kemahiran pentadbiran di kalangan pengurusan Wakaf.	1 (0.4%)	1 (0.4%)	7 (2.6%)	149 (54.8%)	114 (41.9%)
22. Meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal di kalangan pengurusan Wakaf.	-	1 (0.4%)	9 (3.3%)	149 (54.8%)	113 (41.5%)
23. Menggunakan Wakaf Tunai untuk penyediaan fasiliti pendidikan.	-	1 (0.4%)	12 (4.4%)	147 (54.0%)	112 (41.2%)
24. Menggunakan Wakaf Tunai untuk	4	7	47	144	69

penyediaan fasiliti perumahan.	(1.5%)	(2.6%)	(17.3%)	(53.1%)	(25.5%)
25. Menggunakan Wakaf Tunai untuk penyediaan fasiliti kesihatan/ perubatan.	1 (0.4%)	1 (0.4%)	15 (5.5%)	142 (52.0%)	114 (41.8%)
26. Menggunakan Wakaf Tunai untuk penyediaan fasiliti pinjaman mikro.	3 (1.1%)	15 (5.5%)	87 (32.0%)	116 (42.6%)	51 (18.8%)

Taburan data maklum-balas responden terhadap survei seperti ditunjukkan dalam jadual di atas bahawa tahap fungsi amalan wakaf tunai di Daerah Kuching adalah tahap yang baik. Fungsi di sini merujuk kepada peranan yang dimainkan atau objektif yang hendak dicapai. Perkara ini dijelaskan melalui dapatan item 20, item 21, item 22, item 23, item 24, item 25 dan item 26.

Pada item 20, majoriti responden yang bersetuju mengenai pernyataan “Proses edukatif amalan Wakaf Tunai di kalangan masyarakat perlu ditingkatkan”. Perkara ini penting bagi memastikan tahap pengetahuan dan kefahaman mengenai wakaf tunai semakin baik dan berkembang, dan seterusnya menjadi budaya dalam membentuk sebuah tamadun Islam yang bermaruah. Secara terperinci, jumlah maklum balas responden adalah 274 orang responden. Seramai seramai 263 orang responden (96.4%) yang bersetuju mengenai pernyataan item 20 ini. Sementara bakinya, iaitu 10 orang responden pula (3.7%) adalah tidak bersetuju dan menolak bahawa proses edukatif amalan wakaf tunai di kalangan masyarakat perlu ditingkatkan. Boleh jadi golongan responden ini mempunyai keutamaan lain dalam mendidik dan mentarbiyah masyarakat dalam aspek kehartaan.

Sementara item 21 adalah mengenai pernyataan “Meningkatkan kemahiran pentadbiran di kalangan pengurusan wakaf”. Dapatan survei menunjukkan bahawa seramai 263 responden (96.7%) menyatakan tahap persetujuan mereka mengenai item 21 ini. Skor jumlah yang tinggi adalah adalah baik sebagai memberi persepsi kepentingan keperluan bagi meningkatkan kemahiran pentadbiran di kalangan pengurusan wakaf. Ini penting bagi memastikan harta wakaf dapat ditadbir secara optimum. Lebih-lebih lagi pada zaman serba canggih dan mencabar pada masa sekarang menyokong item 21 ini. Sementara bakinya, seramai 9 orang (3.4%) adalah tidak bersetuju dan menolak pernyataan “Meningkatkan kemahiran pentadbiran di kalangan pengurusan wakaf”.

Pada item 22, majoriti responden yang bersetuju mengenai pernyataan “Meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal di kalangan pengurusan wakaf”. Dapatan survei menunjukkan bahawa seramai 262 responden (96.3%) menyatakan tahap persetujuan mereka mengenai item 22 ini. Maklum-balas ini memberi gambaran secara tidak langsung menunjukkan responden mementingkan aspek kemahiran komunikasi khususnya pihak pengurusan wakaf. Secara terperinci, jumlah maklum balas responden adalah 274 orang responden. Seramai seramai 262 orang responden (96.3%) yang bersetuju mengenai pernyataan item 22 ini. Sementara bakinya, iaitu 10 orang responden pula (3.7%) adalah tidak bersetuju dan menolak item 22 ini.

Sementara item 23 adalah mengenai pernyataan “Menggunakan Wakaf Tunai untuk penyediaan fasiliti pendidikan”. Dalam hal ini, dapatan survei menunjukkan bahawa seramai 259 responden (95.2%) menyatakan bersetuju bagi penggunaan

wakaf tunai untuk penyediaan fasiliti pendidikan. Ini boleh jadi dengan tanggapan bahawa aspek pendidikan merupakan perkara penting dalam kehidupan sama ada orang miskin mahupun orang berada. Dengan pendidikan yang sempurna dapat mengangkat maruah agama dan negara. Sementara bakinya, seramai 13 orang (4.8%) adalah tidak bersetuju dan menolak item 23 ini. Boleh jadi tumpuan penggunaan wakaf tunai ini untuk keperluan masjid sahaja.

Dalam item 24, majoriti responden yang bersetuju mengenai pernyataan “Menggunakan Wakaf Tunai untuk penyediaan fasiliti perumahan”. Ini melihat kepada keperluan kepada fasiliti perumahan adalah perkara mendesak pada masa sekarang. Oleh itu, dengan adanya sumber dana wakaf ini dapat memudahkan dan melicinkan kepada pemilikan fasiliti perumahan. Secara terperinci, jumlah maklum balas responden adalah 274 orang responden. Seramai seramai 213 orang responden (78.6%) yang bersetuju mengenai pernyataan item 24 ini. Sementara bakinya, iaitu 58 orang responden pula (21.4%) adalah tidak bersetuju dan menolak penggunaan wakaf tunai untuk penyediaan fasiliti perumahan.

Sementara item 25 ini adalah mengenai pernyataan “Menggunakan Wakaf Tunai untuk penyediaan fasiliti kesihatan/perubatan”. Dapatan survei menunjukkan bahawa seramai 256 responden (93.8%) menyatakan bersetuju mengenai item 25 ini. Sementara bakinya, seramai 17 orang (6.3%) adalah tidak bersetuju dan menolak penggunaan wakaf tunai untuk penyediaan fasiliti kesihatan/perubatan.

Seterusnya item yang terakhir iaitu item 26 ini adalah mengenai pernyataan “Menggunakan Wakaf Tunai untuk penyediaan fasiliti pinjaman mikro”. Dapatan survei menunjukkan bahawa seramai 167 responden (61.4%) menyatakan bersetuju mengenai item 26 ini. Sementara bakinya, seramai 102 orang (38.6%) adalah tidak bersetuju dan menolak penggunaan wakaf tunai untuk penyediaan fasiliti pinjaman mikro.

6.8 Analisis Komen Responden Terhadap Amalan Wakaf Tunai Di Sarawak

Analisis terhadap data kualitatif daripada soalan terbuka menunjukkan bahawa maklum balas responden boleh dikategorikan kepada beberapa tema utama berdasarkan pola dan kecenderungan pandangan yang dikemukakan.

Tema 1: Persepsi Positif terhadap Amalan Wakaf Tunai

Sebahagian responden memberikan pandangan yang positif terhadap amalan wakaf tunai di Sarawak dengan menggunakan ungkapan seperti “baik”, “berkesan”, dan “sangat baik”. Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa wakaf tunai mempunyai potensi besar dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi Islam serta membantu golongan yang memerlukan. Tema ini menunjukkan penerimaan yang baik terhadap konsep wakaf tunai dalam kalangan masyarakat.

Tema 2: Sokongan terhadap Peranan Sosial Wakaf

Responden turut menzahirkan sokongan terhadap fungsi wakaf tunai sebagai mekanisme kebajikan sosial, khususnya dalam membantu golongan kurang berkemampuan, anak yatim dan masyarakat yang memerlukan. Pandangan ini menggambarkan kesedaran responden terhadap peranan wakaf sebagai instrumen pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam.

Tema 3: Kekurangan Pendedahan dan Kefahaman

Sebahagian responden menyatakan bahawa tahap pendedahan dan kefahaman mengenai wakaf tunai masih rendah dalam kalangan masyarakat. Antara isu yang dibangkitkan termasuk kekeliruan terhadap konsep wakaf tunai serta kurangnya maklumat yang jelas dan terkini. Tema ini menunjukkan keperluan kepada usaha pendidikan dan penyebaran maklumat yang lebih sistematik.

Tema 4: Keperluan Meningkatkan Promosi dan Kesedaran

Responden juga menekankan kepentingan mempergiatkan promosi dan kempen kesedaran berkaitan wakaf tunai. Cadangan yang dikemukakan termasuk penggunaan media sosial, pendekatan digital, serta pendedahan awal di peringkat pendidikan. Tema ini mencerminkan keperluan strategi komunikasi yang lebih efektif dalam memperluaskan amalan wakaf tunai.

Tema 5: Penambahbaikan Pengurusan dan Pentadbiran Wakaf

Selain itu, terdapat responden yang memberi perhatian kepada aspek pengurusan dan pentadbiran wakaf. Mereka menekankan kepentingan integriti, kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan dana wakaf bagi meningkatkan kepercayaan masyarakat. Tema ini menunjukkan bahawa aspek tadbir urus merupakan faktor penting dalam memperkukuh amalan wakaf tunai.

Secara keseluruhannya, analisis tematik ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat persepsi positif dan sokongan terhadap amalan wakaf tunai, masih terdapat cabaran dari segi pendedahan, promosi dan pengurusan yang perlu ditambah baik bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan wakaf tunai di Daerah Kuching, Sarawak.

7.0 PENUTUP

Bahagian ini akan merumuskan dan mengusulkan beberapa cadangan yang berkaitan dengan dapatan kajian. Analisis daripada data kajian telah menjawab tiga objektif utama dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan amalan wakaf tunai mendapat sambutan di kalangan masyarakat di Daerah Kuching. Namun masih ada beberapa perkara yang perlu dijelaskan mengenai amalan wakaf tunai ini bagi memastikan ia menjadi mekanisme penting ke arah pembangunan negeri dan negara. Perkara tersebut boleh dihuraikan seperti di bawah.

a. Kurang kefahaman terhadap amalan wakaf tunai

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, ramai responden memberi maklum balas bahawa mereka masih belum mengetahui amalan berwakaf tunai. Boleh jadi mereka biasa mendengar perkataan wakaf seperti tanah wakaf, al-Quran wakaf, kedai wakaf, bangunan wakaf, kenderaan wakaf, dan seumpamanya. Perkara ini menjadi amalan sehari-harian bagi masyarakat Islam. Oleh itu, mereka tidak ragu-ragu apatah lagi khuatir mengenai perkataan wakaf.

Namun, apabila disebut wakaf tunai, terdapat responden yang tidak pernah dengar istilah ini, dan tidak tahu mengenai konsep ini. Boleh jadi mereka sendiri

pernah mengamalkannya tetapi tidak tahu konsep tersebut adalah konsep wakaf tunai. Oleh itu, perlunya upaya dan gerakan supaya dianjurkan dan dibangunkan mekanisme pendidikan dan pendedahan secara berterusan.

b. Kurang publisiti dan promosi amalan wakaf tunai

Sungguhpun terdapat responden yang sudah mengetahui maksud dan konsep wakaf tunai ini, namun mereka juga bersetuju dan mengakui bahawa kurangnya publisiti dan promosi amalan wakaf tunai ini dicanang-canakan. Mereka lebih banyak terdedah kepada muamalah kewangan Islam yang lain seperti pendedahan mengenai perbankan dan kewangan Islam, galakan mengeluarkan zakat fitrah dan zakat perniagaan. Namun, bagi publisiti wakaf tunai ini masih lagi belum menyeluruh dan hanya tertumpu kepada kelompok tertentu dan lokasi tertentu sahaja. Oleh itu, perlunya usaha-usaha publisiti dan promosi ini ditingkatkan dan diperhebatkan terutamanya melalui media sosial.

c. Meningkatkan aspek pengurusan dan pentadbiran harta wakaf

Aspek pentadbiran dan pengurusan harta wakaf tunai ini perlu dititik-beratkan. Ini adalah kerana golongan pemegang harta wakaf ini adalah bertanggungjawab menjaga dan memelihara amanah harta tersebut supaya sampai kepada maksud dan tujuan inisiatif wakaf tunai tersebut. Dengan meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam aspek pengurusan dan pentadbiran ini, diharapkan dapat memaksimumkan keberkatan dan keuntungan harta wakaf, selain daripada mengelak daripada pembaziran, kecaciran, mahupun salah-guna harta wakaf tersebut.

Sementara pada bahagian cadangan pula, berdasarkan komen dan dapatan survei, kajian ini mengusulkan beberapa perkara penting yang boleh dilanjutkan dan dikembangkan dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan ilmiah. Ia termasuklah perkara berikut:

- i. Meluaskan lokasi kajian yang meliputi seluruh daerah-daerah di Sarawak. Ini penting bagi mendapatkan data yang lebih absah dan berautoriti. Selain itu, ia juga akan menghasilkan dan memperolehi penemuan-penemuan kajian yang lebih baik lagi.
- ii. Menumpukan kepada aspek amalan urus-tadbir yang terbaik dalam pengurusan dana wakaf tunai. Dengan adanya kajian sebegini dijalankan nanti, ia akan dapat menghasilkan reka bentuk urus tadbir yang boleh dicontohi dan diikuti oleh ramai pihak.
- iii. Memfokuskan kaedah pemasaran dan publisiti produk wakaf tunai yang lebih efisien dan sistematik. Sudah pasti seiring dengan kemajuan teknologi multimedia dapat membantu banyak dalam usaha meningkatkan publisiti dan pemasaran produk wakaf tunai ini, melangkaui sempadan negeri dan negara.

Sumbangan Pengarang

Towpek, H. dan Bahar, N.; Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; di samping penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara bersama.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Ahmad Fatin Mohamad Suhaimi. (2017). *Tahap kefahaman mengenai wakaf: Kajian kes di Selangor*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Asharaf Mohd Ramli. (2019). Inovasi model wakaf tunai di Malaysia berlandaskan kepada garis panduan fatwa. Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/publication/337185202_INOVASI_MODEL_WAKAF_TUNAI_DI_MALAYSIA_BERLANDASKAN KEPADA GARIS_PANDUAN_FATWA
- Haneef, M. A., Pramanik, A. H., Mohammed, M. O., Amin, M. F., & Muhammad, A. D. (2021). Integration of waqf and Islamic microfinance for poverty reduction: Evidence from contemporary studies. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 7(2), 257–286.
- Hasan, Z., & Abdullah, M. A. (2018). The investment of waqf land as an instrument of Muslims' economic development in Malaysia. *Asian Journal of Social Science Studies*, 3(1), 1–10.
- Ismail Abdel Mohsin, M. (2013). Financing through cash waqf: A revitalization to finance different needs. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 6(4), 304–321.
- Mahadi Ahmad. (2015). Cash waqf: Historical evolution, nature and role as an alternative to riba-based financing for the grass root. Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/publication/305292456_Cash_Waqf_Historical_Evolution_Nature_and_Role_as_an_Alternative_to_Riba-Based_Financing_for_the_Grass_Root
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. (2021). Konsep wakaf tunai. Diperoleh daripada <https://www.majj.gov.my/wakaf/konsep-wakaf-tunai>
- Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani, Noor Inayah Yaakub, & Mohamad Khairul Izwan Rifin. (2017). *Wakaf pendidikan di Malaysia: Suatu pengenalan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zamro Muda. (2014). *Pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhd Ramadhan Fitri Ellias, Ahmad Firdaus Kadir, & Muhamad Nasir Haron. (2021). Parameter syariah untuk wakaf tunai. Diperoleh daripada <https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic->

- my/document/my/en/islamic/scoe/knowledge-centre/research-paper/Paramater_Syariah_Wakaf_Tunai.pdf
- Nadiah Zulkiflee. (2020). Kesedaran terhadap wakaf tunai. Diperoleh daripada <http://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/Nadiah-Zulkiflee.pdf>
- Pitchay, A. A., Mydin Meera, A. K., & Saleem, M. Y. (2018). Factors influencing the behavioural intentions of Muslim employees to contribute to cash waqf. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 9(5), 648–673.
- Razali Othman. (2015). *Wakaf tunai: Sejarah, amalan dan cabaran masa kini*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saifudin. (2019). Ekonomi wakaf. Diperoleh daripada <http://ustazsaifudin.wakaf.org/v1/2008/11/10/ekonomi-wakaf>
- Thaker, M. A. M. T., Thaker, H. M. T., Pitchay, A. A., & Amin, M. F. (2020). Cash waqf model for micro enterprises' human capital development. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 12(2), 235–250.
- Yaacob, H., Petra, S., Sumardi, A., & Nahar, H. S. (2022). Accountability and governance of waqf institutions in Malaysia: Issues and challenges. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 13(3), 423–440.
- Yayasan Wakaf Malaysia. (2021a). Sistem wakaf tunai di Malaysia. Diperoleh daripada <https://www.ywm.gov.my/kaedah-berwakaf>
- Yayasan Wakaf Malaysia. (2021b). Pengenalan wakaf. Diperoleh daripada <https://ywm.gov.my/wakaf/pengenalan>